

Dari Masihi kepada Islam

Ruangan fikiran Islam pada kali ini kita hidangkan satu *interview* soal jawab di antara wakil majalah *Ḥaḍārah al-Islām* dengan seorang wanita Inggeris “Bridget Hownie” yang baharu sahaja memeluk agama Islam. Bridget telah memilih nama Islamnya “Aisyah”. Nama penuhnya “Aisyah Bridget Hownie”. Sebagai seorang wanita Barat yang terpelajar Aisyah Bridget Hownie di dalam soal jawabnya telah dapat menerangkan dengan seluas-luasnya mengapa ia tertarik dengan agama Islam? Dan bagaimana jiwanya hampir-hampir terpengaruh dengan iktikad kepercayaan Buddha dan Hindu yang telah dipelajarinya lebih dahulu sebelum ia mengetahui hakikat agama Islam? Makalah ini dipetik dari bahasa Urdu kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh pihak Kementerian Wakaf negara al-Kuwait. –

Pengarang.

S: “Bila saudara memeluk agama Islam dan berapa umur saudara pada ketika itu?”

J: “Sejak tiga tahun setengah yang lalu. Tuhan telah menyinari hati saya dengan cahaya Islam. Umur saya pada ketika itu 21 tahun.”

S: “Harap terangkan kepada kami bagaimana saudara telah memeluk agama Islam?”

J: “Saya telah dilahir dan dibesarkan di dalam suatu keluarga Inggeris yang tidak berbeza dengan keluarga-keluarga Inggeris yang lain dari segi iktikad terhadap agama yang dipusakai dari turun-temurun. Ibu saya seorang Kristian tetapi tidak pernah menunaikan segala kewajipan ibadat yang diwajibkan oleh agama itu. Yang ganjilnya ayah saya adalah seorang

Terjemahan: Abdul Aziz al-Murshidi

mulhid (ateis) yang tidak percayakan semua agama di dunia ini”.

“Pada masa saya kecil, saya dihantar belajar di dalam sebuah sekolah agama. Di dalam sekolah itu saya diajari pelajaran-pelajaran agama Kristian yang biasa diajarkan kepada murid-murid di sekolah-sekolah gereja Inggeris. Jadi saya mempelajari soal-soal agama hanya dari sekolah, sedang dalam rumah kehidupan saya sekeluarga jauh dari suasana agama. Di sepanjang hidup saya di dalam dunia kanak-kanak belum pernah sekali pun saya mendengar kalimah Allah disebut-sebut orang di dalam rumah.”

“Ketika saya belajar di dalam sebuah sekolah gereja entah bagaimana perasaan hati kecil saya tidak mahu menerima asas permulaan mengenai iktikad di dalam

agama Kristian, terutama dalam iktikad mempersekutukan Tuhan dari tiga jurusan (*al-tathlīth*) – iaitu tuhan bapa, tuhan ibu dan tuhan anak (Allah, Maryam dan ‘Īsā – P.) Begitu pula tentang pengampunan dosa yang mereka katakan, bahawa Allah atau *al-Masih* telah menjadikan dirinya sebagai tebusan kepada sekalian manusia. Barang siapa yang menyembah salib (*cross*) kesemua dosanya akan diampunkan.”

“Berulang-ulang kali saya telah mendengar perbincangan dalam masalah kepercayaan yang seumpama ini, tetapi segala apa yang saya dengar itu sedikit pun tidak meruntun jiwa saya untuk mempercayainya. Oleh itu segala sesuatu yang saya dengar itu saya tolakkan ke tepi, tidak saya tanamkan ke dalam jiwa saya, saya menganggap apa

Fikiran Islam.

yang saya dengar dari perbincangan-perbincangan itu adalah jauh dari hakikat yang saya cari. Jadi keanehannya saya seorang pelajar di dalam sebuah sekolah Kristian, tetapi segala pelajaran mengenai agama Kristian itu tidak saya percayai.”

“Saya sangat gemar kepada ilmu falsafah untuk mencari hakikat yang sebenarnya. Ketika umur saya meningkat 15 tahun saya telah membaca sebuah buku karangan “Tao Te Ching” iaitu kumpulan daripada buku-buku kuno mengenai falsafah “Tao” seorang filsuf Cina di zaman purba. Saya tertarik hati dengan fikiran-fikiran yang dibentangkannya di dalam buku itu. Manakala fikiran saya mulai terpengaruh dengan maklumat-maklumat falsafah Buddha yang telah saya baca, saya bercita-cita untuk menyelidik secara mendalam tentang iktikad ketuhanan yang dibawa oleh agama itu, bagi mencapai cita-cita itu saya harus belajar bahasa Cina, tetapi buat saya sebagai seorang gadis yang baharu berumur 15 tahun yang tidak mempunyai wang dan kesanggupan, perkara ini adalah sulit sekali untuk dilaksanakan. Oleh itu ketika umur saya meningkat 17 tahun, saya pergi merantau ke negeri Kanada dengan maksud mencari pekerjaan. Di sana saya bekerja selama dua tahun di mana saya dapat mengumpulkan sedikit

wang untuk perbelanjaan melanjutkan pelajaran. Rancangan pertama yang mesti saya perjuangkan ialah untuk mendapat ijazah (*certificate*) sekolah menengah bagi membolehkan saya memasuki universiti untuk mempelajari bahasa Cina.”

“Semasa berada di Kanada saya mempelajari falsafah Hindu, saya banyak membaca buku-buku mengenai agama Hindu yang dianggap suci itu. Adapun prinsip atau dasar-dasar dari tiga agama yang telah saya pelajari itu – Kristian, Buddha dan Hindu – adalah menggambarkan keindahan, kemuliaan dan kesucian ketiga-tiga agama tersebut, tetapi walau bagaimanapun fikiran saya masih belum merasakan kepuasan yang sepenuhnya. Dari ketiga-tiga agama tersebut saya belum berjumpa dengan hakikat yang sebenar”.

“Di alam jagat yang seluas ini, di mana di dalamnya hidup manusia yang terdiri daripada berbagai-bagai suku bangsa, gagallah ketiga-tiga iktikad ini untuk membimbing dan memandu seluruh manusia ke arah suatu penghidupan yang rukun damai, aman dan tenteram. Falsafah Kristian terlalu mementingkan material (kebendaan), hingga manusia tak putus-putus bercakar, bergaduh dan berperang sesama sendiri sehingga dunia menjadi hancur lebur dan musnah. Falsafah Hindu pula terlalu mementingkan alam khayal, alam dewa-dewa yang berdasarkan tasawuf dan zahid yang melampaui batas,

sehingga dunia menjadi sunyi, mundur dan tak bersemangat. Sedang Buddha pada akhirnya pergi merantau meninggalkan isteri dan keluarganya untuk mencari hakikat yang sebenarnya”.

“Dengan mengkaji dasar-dasar tiga agama tersebut, fikiran saya bukan bertambah tenang malahan bertambah kusut dan bingung. Sehingga saya merasa hampa dan hampir-hampir berputus asa untuk mencari hakikat yang sebenarnya. Di sana timbullah berbagai-bagai pertanyaan: Dengan siapa harus saya beriman? Apakah tujuan hidup? Adakah segala sesuatu dalam hidup ini datangnya dengan secara kebetulan – seperti anggapan setengah manusia? Semakin tambah bingung sewaktu saya memikirkan hal ini, hingga beberapa malam saya tidak dapat menjamah nikmat tidur.”

“Akhirnya cita-cita saya untuk menyandang ijazah menengah berhasil, tetapi niat hendak masuk universiti mempelajari bahasa Cina telah menjadi cita-cita yang tidak mempunyai erti sama sekali. Betul cita-cita saya mempelajari bahasa Cina telah terlaksana, tetapi hakikat yang dicari semakin jauh lari dari ingatan saya.”

“Setelah saya berjaya masuk belajar di dalam universiti saya berpeluang dapat berkenal-kenalan dengan pelajar-pelajar Islam. Sebelum ini saya tak pernah membaca buku-buku atau mendengar pidato-pidato berhubung dengan Islam. Pada hakikatnya saya

Fikiran Islam.

sama seperti manusia Barat yang lain sangat benci dan jijik dengan soal-soal mengenai Islam. Tetapi pelajar-pelajar Islam di dalam universiti selalu memberikan ~~penerangan-penerangan~~ dan menyatakan kepada saya tentang dasar-dasar dan prinsip-prinsip yang dibawa oleh agama Islam. Dengan sabar dan tenang mereka menangkis segala tuduhan-tuduhan cemar yang saya lemparkan terhadap Islam, setengah daripada mereka telah menghadiahkan kepada saya buku-buku Islam dan mereka berharap supaya buku-buku itu saya baca. Pada mulanya lembaran buku-buku Islam yang saya terima itu saya selak selebar demi selebar dengan cepat, saya menganggap perbuatan saya itu sebagai suatu permainan untuk menghiburkan perasaan kalbu yang sedang runsing.”

“Tetapi pada suatu hari sedang saya berehat-rehat di rumah, saya terbaca di beberapa bahagian daripada isi kandungan buku itu, dengan tidak saya sedari sedikit demi sedikit jiwa saya tertarik dengan apa yang saya baca itu. Sekejap kilat perasaan waham dan syak wasangka saya terhadap Islam yang selama ini saya anggap suatu agama yang cemar, kolot dan tak berperikemanusiaan dengan serta-merta menghilang dari perasaan batin saya. Saya terus membaca buku itu dari bab yang pertama dengan

bernafsu tetapi teliti dan berhati-hati. Sungguh tertarik benar hati saya dengan kandungan buku itu. Saya terpesona dengan jalan bahasanya yang indah menarik, ~~dengan penerangan-penerangan yang teratur rapi~~ dan dengan analisisnya yang meruntun jiwa. Perbincangan mengenai *al-Khāliq* dan *al-makhlūq*, dan soal ada hidup kemudian daripada mati yang ditulis oleh pengarang buku itu sangat berkesan menusuk jiwa saya”.

“Beberapa hari kemudian seorang teman yang lain telah menghadiahkan pula kepada saya senaskhah buku terjemah al-Qur’ān. Buku yang baharu saya dapati itu saya baca pula dengan penuh minat. Pada mulanya saya tidak dapat memahami tujuan satu-satu ayat al-Qur’ān yang dibentangkan oleh pengarangnya, dengan mengerutkan kening dan memeras otak saya cuba memikirkan ~~pengajaran-pengajaran~~ Tuhan yang terkandung di dalam ayat-ayat suci yang saya baca itu. Dengan berkat usaha saya yang tidak mengenal penat itu, pada akhirnya sedikit demi sedikit jiwa saya mulai tertawa dengan keindahan dan kemurnian ayat-ayat Tuhan itu.”

“Belum pun habis saya membaca surah yang ketiga saya dapati dahi saya telah terletak ke bumi, saya sujud di hadapan *Khāliq* yang menjadikan semesta alam. Ini adalah merupakan sembahyangku yang pertama dan dari sejak itulah saya memeluk agama Islam menjadi seorang Muslimah. Saya

telah menganut agama Islam selepas tiga bulan daripada saya mempelajari agama ini. Oleh itu pengetahuan saya tentang hukum-hukum Islam masih cetek, sedang Islam pada pandangan saya adalah suatu agama yang luas, luas dalam erti kata yang sebenarnya. Oleh yang demikian mulai dari sejak itu, sesudah saya menjadi seorang Muslimah, saya lebih mendampingi sahabat-sahabat saya para pelajar Islam – yang menjadi saudara kandungku dalam Islam – kepada mereka saya majukan beberapa pertanyaan, dengan mereka saya berbincang dan daripada mereka saya meminta nasihat dan ~~penerangan-penerangan~~ yang lebih meluas berkenaan dengan Islam.”

“Banyak pertanyaan yang saya terima di sekitar sebab-sebab yang mendorongkan saya memeluk agama Islam? Agama yang dahulu saya musuhi dan saya benci. Saya fikir pertanyaan-pertanyaan yang seumpama ini mudah bagi saya untuk menjawabnya, sebenarnya Islam itu – menurut pandangan seorang Barat Muslim – seperti sebuah contoh bangunan yang mempunyai ukuran yang sama, satu juzuk (bahagian) daripada bahagiannya melengkapkan bahagian yang lain dan rahsia kecantikan bangunan itu terletak di atas ukuran yang sama di antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Inilah dia sifat keindahan agama Islam, yang sentiasa menamakan semangat kerjasama dan bantu-membantu di antara satu sama lain.”

“Apabila kita meninjau lebih jauh kepada ajaran-ajaran Islam

Fikiran Islam.

yang maha suci, ajaran-ajaran yang penuh padat dengan tujuan-tujuan mulia bagi mempertinggikan taraf hidup seluruh manusia di muka bumi ini, maka itu akan mengagumkan kita. Apabila kamu kaji segala isi mutiara ilmu pengetahuan yang terkandung di dalam kitab suci al-Qur'an, maka kamu akan mengakui bahawa pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh al-Qur'an itulah sebaik-baik pertunjuk untuk dijadikan perintis jalan menuju ke arah pembinaan suatu masyarakat hidup yang aman tenteram di kalangan manusia yang terdiri daripada berbagai suku bangsa di alam dunia ini."

"Setiap orang Muslim seharusnya

menyebut nama Allah sewaktu ia hendak melakukan sesuatu pekerjaan, ketika nama Allah terpancar keluar dari celah kedua bibirnya, maka tertanamlah di dalam jiwanya bahawa ia melakukan pekerjaan itu sebagai menghadapi suatu ujian hidup, yang mana di dalam menghadapi ujian itu ia pasti akan berjaya. Dengan adanya ingatan yang sedemikian rupa, maka akan timbullah semangat untuk melakukan pekerjaan itu dengan bersungguh-sungguh, dan penilaian pekerjaan itu mestilah dipertinggikan. Dengan cara ini akan terikatlah suatu hubungan yang rapat di antara kehidupan di dunia dengan kewajipan-kewajipan agama yang mana kedua-duanya itu harus dilaksanakan dengan secara

adil dan sama rata, kerana mencapai kebahagiaan hidup di dunia sama pentingnya dengan menuntut kebahagiaan hidup di akhirat. Kalau hidup seseorang Muslim itu kosong di dunia, maka kehidupannya di akhirat akan kosong pula. Ini adalah pendapat saya perseorangan setelah saya menganalisa ajaran-ajaran Islam yang telah saya kaji selama lebih daripada tiga tahun itu."

S: Selepas saudara menganut agama

Islam, apa tindakan-tindakan yang dilakukan oleh keluarga dan sahabat handai saudara terhadap saudara?

J: "Ayah saya tidak ambil

pusing tentang sikap saya menukar agama itu. Begitu pula halnya kaum keluarga dan sahabat-sahabat saya. Mereka semua menganggap bahawa sikap saya mencari hak dan kebenaran itu adalah suatu *hiwāyah* (hobi) atau suatu kesukaan yang biasa saya lakukan dari sejak kecil, seperti kecenderungan saya belajar bahasa Cina. Walaupun pada mulanya ada perasaan cemburu mereka terhadap diri saya, tetapi lama-kelamaan perasaan cemburu dan curiga mereka itu hilang begitu sahaja ditelan zaman."

"Tetapi setelah berlalu beberapa

tahun, setelah saya berani mengemukakan pendapat saya tentang kebenaran agama Islam dengan menyalahkan iktikad mereka yang menyekutukan *Khāliq* dengan makhluk, maka pada

ketika itu baharulah mereka sedar bahawa sikap saya menganut agama Islam bukanlah suatu "hobi" biasa, tetapi suatu "hobi" yang didorong oleh perasaan iman setelah saya bertemu dengan hakikat yang sebenarnya, yang selama ini saya cari dengan bersungguh-sungguh hati. Dari sejak itu mereka mulai mencemuh dan mengeji-ngeji sikap saya yang mereka anggap sudah keterlaluannya itu. Mereka tidak senang dengan sikap saya menjauhi arak, judi dan daging babi, mereka benci melihat saya berjalan dengan tidak lepas kudung (kain tudung) di kepala. Pada hakikatnya saya berpendapat ~~tentang-tentang~~ yang mereka tujukan kepada saya dan kepada agama yang saya anuti itu bukanlah memandang dari segi kejatuhan moral dan akhlak, tetapi tentang itu dilakukan adalah dari dorongan hati mereka yang benci dan memusuhi Islam. Jadi apa juga perbuatan saya yang bercorak Islam, mereka keji, mereka cemuh meskipun hati kecil mereka mengatakan perbuatan saya itu adalah benar dan terhormat dari segi pergaulan, moral dan akhlak."

"Walau bagaimanapun bukan semua

sahabat-sahabat saya menentang saya dengan secara membabi buta. Ada di antara mereka ingin tahu, suatu daya apa yang boleh menarik saya menukar agama datuk nenek saya itu? Mereka mengajak saya ~~bertanya dengan mengemukakan~~ bertanyakan. Mereka sanggup menerima

Fikiran Islam.

sesuatu yang benar, kalau saya dapat menunjukkan kebenaran itu dengan menggunakan dalil-dalil yang sesuai dengan akal fikiran mereka yang buta di dalam soal agama Islam itu.”

“Pada suatu hari di dalam suatu majlis diskusi (bertukar-tukar fikiran), saya telah menggambarkan di hadapan mereka mengenai konsep-konsep Islam di dalam pergaulan bermasyarakat. Nampaknya mereka tertarik dengan penerangan-penerangan yang saya bentangkan itu. Sewaktu saya membentangkan soal poligami di dalam Islam dengan menerangkan batasan dan syarat-syarat yang dibenarkan berpoligami itu, di samping itu saya bayangkan perbandingan di antara masyarakat Islam yang mengharuskan seorang suami berpoligami dengan masyarakat Kristian yang melarang berpoligami yang menyebabkan runtuhnya moral penganut-penganut Kristian di dalam pergaulan yang sebegitu bebas, maka pendapat saya itu mereka akui akan kebenarannya, dan mereka akui syariat Islam yang mengharuskan berpoligami itu adalah sebaik-baik jalan bagi menjernihkan suasana rumah tangga.”

“Di sini terbayanglah di fikiran saya hanya penerangan yang diberikan oleh seorang yang cetek di dalam pengetahuan agama Islam – seperti saya – sudah dapat mempengaruhi jiwa sahabat-sahabat saya yang buta sama sekali tentang ajaran-ajaran

Islam. Alangkah bertuahnya Islam kalau para alim ulamanya yang luas pengajiannya di dalam soal Islam mahu bekerja dengan bersungguh-sungguh menyiarkan ajaran-ajaran Islam ke seluruh dunia, maka sudah tentu Islam dapat dikembalikan ke zamannya yang gemilang.”

S: Adakah saudara menghadapi sesuatu *mushkilah* atau kesulitan setelah saudara memeluk agama Islam?

J: “Orang-orang yang sempit fahamannya biasanya memang memandang serong terhadap agama Islam, oleh itu mereka tidak silu-silu lagi suka memperkecil-kecilkan kedudukan orang-orang Islam, walaupun tidak di hadapan mereka, maka kejian-kejian itu mereka lakukan dengan ~~basembunyi basembunyi~~ ~~Pendapat pendapat mereka~~ tidak bertentangan dengan pendapat-pendapat orang-orang yang tidak beragama dan kafir, walaupun pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran yang mereka kemukakan itu tidak bernilai malahan dihargai dan dihormati, sedang fikiran-fikiran yang terbit daripada orang Islam walaupun bermutu mereka tolak mentah-mentah. Inilah sikap orang-orang yang sempit fahamannya, dan inilah suatu *mushkilah* yang selalu menyinggung perasaan saya. Walau bagaimanapun *mushkilah* yang seumpama ini adalah saya pandang suatu *mushkilah* yang kecil, *mushkilah* yang tidak mendatangkan sebarang kesan di atas iman dan kepercayaan saya terhadap Islam. Sebabnya kerana saya seorang mahasiswa universiti di dalam jurusan pengajian kebudayaan Timur dan

Afrika. Kawan-kawan yang sepelejaran dengan saya tahu sedikit sebanyak tentang akidah (kepercayaan) agama-agama yang mereka anuti. Dengan ini dapatlah saya memperbandingkan di antara akidah Islam dengan akidah agama-agama yang lain.”

S: Selepas saudara menganut agama Islam, apakah pengetahuan-pengetahuan Islam yang saudara ketahui?

J: “Pengetahuan Islam saya terbatas setakat yang saya pelajari dari buku-buku yang dihidangkan oleh kawan-kawan kepada saya. Selain daripada itu saya mendapat banyak pelajaran Islam dari pertanyaan-pertanyaan yang telah saya kemukakan kepada para ulama Islam dan di samping itu saya dapati pelajaran-pelajaran Islam hasil dari perbahasan-perbahasan yang selalu saya lakukan terhadap mahasiswa-mahasiswa Muslimin yang sepelejaran dengan saya.”

“Pada tahun yang lalu saya banyak mempelajari fikiran-fikiran Islam dan falsafah Barat dari seorang mahasiswa Sudan. Mahasiswa itu setiap minggu mengadakan kursus agama Islam yang biasa dihadiri oleh sepuluh orang. Kursus itu diadakan ialah untuk mendalami fahaman mengenai ayat-ayat al-Qur’ān dengan berpandukan sebuah kitab tafsir al-Qur’ān di dalam bahasa Inggeris, kemudian kami perbandingkan dengan tafsir bahasa Arab untuk menjaga supaya tidak menyeleweng daripada makna asalnya. Dengan menggunakan beberapa buah kitab tafsir khasnya “*Tafsir*

Fikiran Islam.

al-Tabari” kami perbincangkan makna dan tujuan satu-satu ayat menurut fahaman dari fikiran kami sendiri. Tetapi malangnya kursus itu terhenti di tengah jalan setelah mahasiswa Sudan itu tamat pengajiannya dan pulang ke negerinya. Tak ada seorang pun di antara beratus-ratus bilangan mahasiswa-mahasiswa Muslimin yang belajar di universiti kami yang mempunyai semangat dan kemahuan untuk memimpin kursus itu.”

S: Adakah saudara berpendapat

bahawa Islam boleh mempengaruhi masyarakat pincang di zaman moden ini? Harap dinyatakan jenis pengaruh itu!

J: “Manusia di dunia Barat hari ini

sedang hidup di dalam sebuah dunia yang gelap gelita. Melihat kepada kepincangan masyarakat Barat yang begitu meluas pada hari ini, saya tidak boleh menjamin anggota masyarakat itu dapat dipimpin ke arah jalan yang benar. Saya fikir semua orang mengetahui akan hakikat sebenarnya yang berlaku di dalam masyarakat orang-orang Barat di hari ini. Masyarakat yang dipenuhi dengan kacau-bilau dan haru-biru yang tersembunyi di sebalik kilat kemajuan yang palsu, berselindung di sebalik tabir material yang menggelapkan pandangan mata. Manusia hari ini mencari-cari jalan untuk menghindarkan mereka daripada mala petaka yang sedang mereka hadapi,

tetapi mereka tidak nampak jalan keluar, jadi usaha mereka itu sia-sia sahaja. Tiada jalan lain bagi mereka selain daripada meneruskan perjalanan mereka menuju ke jurang kehancuran. Persesuaian di antara kebahagiaan jasad di dunia dengan kebahagiaan roh di akhirat yang diseru oleh Islam adalah menjadi suatu daya penarik yang mengkagumkan cendekia dan ahli-ahli fikir Barat. Namun begitu mereka masih juga berdegil tidak mahu mengakui akan kebenaran ajaran-ajaran yang dibawa oleh al-Qur’ān. Mereka tidak mahu tunduk kepada Islam.”

“Saya fikir Islam sanggup memandu masyarakat Barat ke arah jalan menuju ke puncak kebahagiaan dan keselamatan, Islam sanggup memperbaiki penyakit pincang yang sedang dihadapi oleh dunia Barat pada hari ini. Seterusnya Islam sanggup menyatakan kepada dunia Barat erti hidup yang sebenarnya dan sanggup meruntun jiwa orang-orang Barat supaya mereka hidup dengan mengikuti tata tertib yang telah diatur oleh Islam, menurut dasar-dasar yang diredai Allah, kerana semuanya ini ialah untuk menjamin kebahagiaan hidup mereka di hari akhirat kelak. Marilah kita sama-sama memohon ke hadrat Allah semoga kita sekalian dikurniai-Nya hidup bahagia di dunia dan di akhirat.”

S: Apakah sebaik-baik jalan menurut pendapat saudara bagi melicinkan seruan Islam?

J: “Sebelum daripada kita melangkahkan kaki ke medan seruan Islam, terlebih dahulu kita haruslah meninggalkan taraf hidup kita sekarang-kurangnya sampai kepada peringkat taraf kedudukan orang yang kita seru. Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* telah berfirman: “*Ud’u ilā sabīli rabbika bi al-ḥikmati wa al-maw’izati al-hasanati wa jādilhum bi al-laṭī hiya aḥsan.*” Ertinya: “Serulah manusia ke dalam agama Tuhan engkau dengan pengetahuan dan pelajaran yang baik, dan bantahlah mereka itu dengan jalan yang lebih baik.”

“Saya berpendapat kalau kita sudah memasuki gelanggang penyeru (mubaligh) Islam kita tidak harus takut dan gentar menghadapi sebarang cabaran. Di samping itu kita hendaklah memahami Islam dengan sedalam-dalamnya, dengan memahami Islam ini sahajalah baharu kita dinamakan “penyeru Islam” yang sebenarnya, sanggup menjawab segala pertanyaan dan tidak gentar menentang sebarang cabaran. Dengan memiliki buku-buku yang tertentu mengenai Islam, ini pun suatu jalan untuk melicinkan urusan dakwah Islam. Apabila kita hadiahkan sebuah buku mengenai Islam kepada seorang yang bukan Islam, maka ia akan lebih mengambil berat menelaah dan membacanya untuk dijadikan bahan-bahan berbahas menentang Islam. Tetapi sungguh sayang sekali, di dalam masyarakat kita tidak banyak didapati buku-buku Islam yang dikarang atau diterjemah dengan bahasa Inggeris. Walaupun demikian kita masih dapat mempertahankan

Fikiran Islam.

kesucian Islam dengan berpandukan buku-buku Islam yang ada sekarang. Sebagai manusia yang cintakan Islam, kita berkewajipan berjuang menentang sesuatu cabaran yang akan merosakkan nama baik dan kemuliaan Islam.”

S: Apa dia rintangan-rintangan yang selalu dihadapi oleh masyarakat Islam di Britain ini?

J: “Manakala sesuatu keluarga Inggeris memeluk agama Islam mereka dengan lekas mengubah sikap keluar daripada gelanggang hidup secara Inggeris masuk ke gelanggang hidup secara masyarakat Islam. Tetapi manakala mereka memeluk agama Islam dengan secara perseorangan maka tak dapat tidak mereka akan menghadapi 1001 macam rintangan dan cabaran yang didatangkan oleh pihak keluarga mereka yang lebih hampir ikatan darah keturunannya. Kehidupan mereka akan jauh tersingkir daripada golongan keluarga mereka sendiri, sehingga mereka merasakan kepahitan hidup seperti seorang dagang perantauan di tanah air mereka sendiri. Dalam hal yang seumpama ini kalau tidak ada sesuatu masyarakat Islam memperlindungi mereka, maka sudah tentu mereka akan menghadapi beberapa kesulitan, terutama sewaktu mereka hendak menunaikan kewajipan-kewajipan agama seperti sembahyang dan puasa. Tetapi *al-hamdu li Lāh* sebahagian besar daripada masyarakat Islam yang berada di sana

sangat mengambil berat dalam soal ini.”

“Di lapangan pelajaran Islam kami di sana sangat memerlukan guru-guru yang memimpin kami untuk mengenali kebudayaan dan peradaban Islam dengan lebih mendalam, terutama untuk mengajar orang-orang yang baharu masuk Islam dalam soal memahami makna ayat-ayat Qur’an. Banyak di antara mereka yang mempunyai minat untuk belajar memahami isi al-Qur’an dengan sedalam-dalamnya tetapi minat mereka itu hanya tetap tinggal menjadi cita-cita yang kosong kerana ketiadaan orang-orang yang boleh memimpin mereka ke jurusan itu. Dengan perasaan yang penuh dukacita saya berani berkata bahawa “Pusat Kebudayaan Islam” di London tidak berbuat sesuatu apa jua pun dalam perkara ini, dengan itu terpaksa tanggungjawab yang sebesar ini dipikul sendiri oleh setengah-setengah pelajar dan mahasiswa yang mempunyai semangat keislaman, meskipun bagi mereka itu tidak mempunyai waktu yang cukup untuk memberikan sepenuh tenaga di dalam jurusan ini disebabkan masa sangat perlu digunakan dalam menghadapi pelajaran.”

“Pada akhirnya saya merasa berkewajipan membentangkan kemusykilan saya terhadap pemuda-pemuda Islam di seluruh dunia Islam pada hari ini yang sangat tertarik kepada kebudayaan-kebudayaan palsu yang datang dari dunia Barat itu, pemuda-pemuda Islam yang telah gila kebudayaan-kebudayaan Barat itu telah terpengaruh dan tertipu melihat keindahan kulitnya yang

bersadurkan kepalsuan itu. Suka pula saya menyebut bahawa saya sangat tertarik dengan perasaan mahabbah di antara keluarga dan suku kaum di dalam masyarakat Islam, perasaan yang telah ditanamkan oleh Islam ke dalam jiwa setiap pemeluknya itu benar-benar merupakan suatu ikatan kasih mesra yang kukuh dan mendalam. Ini merupakan suatu moral akhlak yang tinggi mulia yang tidak ada sama sekali didapati di dalam masyarakat orang-orang Barat yang berdasarkan nafsu-nafsi itu. Kalaulah keseluruhan umat Islam dengan secara tegas dan jujur mengamalkan dasar persamaan dan gotong-royong ciptaan Islam, maka barang sudah tentu kita sentiasa hidup di dalam suatu dunia kasih mesra, aman dan tenteram. Alangkah bahagianya manusia yang hidup di dunia yang seumpama ini! Ya Allah jadikanlah kami daripada golongan orang-orang Muslimin yang ikhlas menjalankan segala perintah yang diredai Allah dan Islam.”

(Muhammad Abduh).

Kata-kata hikmah

Kalau orang lain berani mempertahankan kebatilan, mengapa kita mesti takut mempertahankan hak dan kebenaran?
(Muhammad Abduh).

* * *

Lebih baik menabung budi daripada menabung wang, tetapi yang paling baik ialah menabung kedua-duanya sekali.
(S. H. Sudarto)